

## PENGGUNAAN BAHASA KASAR DI RUANGAN KOMEN AKHBAR SINAR HARIAN DALAM APLIKASI FACEBOOK

*NUR ANIS NAJIHAH MOHD RAPIHEI*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[nuranisnajah1127@gmail.com](mailto:nuranisnajah1127@gmail.com)

*SA'ADIAH MA'ALIP\**  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[adia@ukm.edu.my](mailto:adia@ukm.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### ABSTRAK

Bahasa merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan manusia. Penggunaan bahasa tidak hanya terhad dalam bentuk lisan sahaja bahkan ia turut digunakan dalam bentuk penulisan. Fenomena penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* dilihat boleh menjejaskan martabat bangsa dan bahasa Melayu. Fenomena ini mewujudkan kepincangan terhadap nilai kesantunan bahasa Melayu terutamanya. Kajian ini secara khusus dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti bentuk penggunaan bahasa kasar di ruangan komen artikel akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*; dan mengetahui kekerapan penggunaan pelbagai bentuk bahasa kasar tersebut dalam bentuk peratusan. Pengkaji memperoleh data kajian melalui kaedah kepustakaan dan pemerhatian tidak ikut serta. Pengkaji telah menetapkan sebanyak 15 artikel dari bulan Mei hingga Jun 2024 yang mempunyai lebih daripada 200 komen dipilih bagi tujuan memperoleh data bahasa kasar yang relevan dengan kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat lapan bentuk bahasa kasar yang digunakan merangkumi nama haiwan atau binatang, sifat atau taraf akal, anggota kemaluan, makhluk halus, najis, nama yang sinonim dengan watak jahat, kematian dan lain-lain bentuk. Kekerapan penggunaan bahasa kasar yang paling tinggi adalah bagi unsur sifat atau taraf akal iaitu 'bodoh/bodo'. Bahasa kasar dengan unsur sifat atau taraf akal ini turut digunakan sebagai kata makian, kata sumpahan dan kata penghinaan. Hal ini bersesuaian dengan maksud leksikal 'bodoh/bodo' yang menunjukkan sifat atau taraf akal yang sangat rendah. Dicadangkan agar pendedahan dan pengetahuan berkenaan bahasa kasar yang digunakan di ruangan komen akhbar Sinar Harian dapat dijadikan sebagai panduan terhadap kajian akhbar arus perdana dalam aplikasi *Facebook*.

**Kata kunci:** bahasa kasar; akhbar dalam talian; media sosial; leksikal bahasa kasar; sosiolinguistik

## **THE USE OF COARSE LANGUAGE IN THE COMMENTS SECTION OF SINAR HARIAN NEWSPAPER ON THE FACEBOOK PLATFORM**

### **ABSTRACT**

Language is an important aspect of human life. Its use extends beyond oral communication to written forms as well. The phenomenon of using coarse language in the comments section of Sinar Harian newspaper on the Facebook platform is seen to potentially undermine the dignity of the nation and the Malay language. This phenomenon also contributes to a decline in the values of Malay language politeness. This study specifically aims to identify the forms of coarse language used in the comments section of Sinar Harian newspaper articles on the Facebook platform and determine the frequency of various forms of coarse language in percentage terms. The researcher obtained data through literature review and non-participatory observation. Fifteen articles from May to June 2024, each with over 200 comments, were selected to gather relevant coarse language data for the study. The findings indicate eight forms of coarse language used, including names of animals, mental states or characteristics, genitalia, supernatural beings, excrement, names synonymous with evil characters, death, and other forms. The most frequent use of coarse language was in terms of mental states or characteristics, particularly the term 'bodoh/bodo' (stupid). This coarse language involving mental states or characteristics is used as insults, curses, and demeaning terms, aligning with the lexical meaning of 'bodoh/bodo' indicating extremely low intellectual capacity. It is suggested that the exposure and knowledge regarding the abusive language used in the comment section of Sinar Harian newspaper can be used as a guide for studies on mainstream newspaper in the Facebook application.

**Keywords:** offensive language; online news; social media; lexical offensive language; sociolinguistics

### **PENGENALAN**

Windy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali (2023) dan Muhammad Norhazim Izman & Zamri Mahamod (2023) menyatakan bahasa sebagai saluran utama untuk berinteraksi, menyampaikan pemikiran, keinginan dan perasaan bagi semua bangsa. Penggunaan bahasa secara sembarangan tanpa menitikberatkan aspek kesantunan boleh mencetuskan ketegangan. Kesantunan dalam berbahasa tidak hanya terhad untuk diaplikasikan dalam pertuturan sahaja. Selain itu, ia boleh dijelaskan dengan lebih meluas mencakupi tingkah laku penutur bahasa terutamanya bahasa Melayu (Muhammad Syekhul Ikram Mohd Zali, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana penutur bahasa Melayu terkenal dengan kesopanan dan kesantunan dalam berbahasa yang dapat dilihat melalui penggunaan pantun dan peribahasa dalam percakapan mereka.

Dunia hari ini mengalami perkembangan demi perkembangan meliputi keseluruhan aspek kehidupan. Perkembangan ini bukan sahaja berlaku dari segi pembangunan fizikal dan teknologi, malahan bahasa turut mengalami situasi yang sama (Rossliana Roslan & Sa'adiah Ma'alip, 2022). Oleh itu, kesantunan berbahasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu pada hari ini wajar dipelihara. Menurut Sharifah Shahirah Syed Jaaffar, Izra Inna Md Idris & Siti Normala Hamzah (2024), masyarakat yang mempunyai jati diri yang mantap memberikan sumbangan dalam kemajuan negara. Masyarakat seumpama ini sudah pasti akan menjaga dan mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu melalui penggunaan bahasa yang beretika dalam pelbagai situasi.

Melalui penggunaan media sosial pada hari ini, khususnya platform *Facebook* menunjukkan terdapat segelintir masyarakat yang melanggar kesantunan berbahasa dengan menggunakan bahasa kasar (Farhanah Awang Sani, 2024; Mohd Norazizi Samsudain & Mardiah Shah Omar, 2022; Muhammad Syeikhul Ikram Mohd Zali, 2016). Penggunaan bahasa kasar dianggap sebagai satu bentuk penyimpangan daripada nilai-nilai budaya masyarakat Melayu kerana membawa kepada perlambatan penggunaan bahasa yang bersifat negatif (Amirah Syazwani Baderol Sham, 2022). Penggunaan kata-kata yang bersifat cercaan, makian dan sebagainya ini seringkali dianggap remeh. Hal ini dikaitkan dengan penggunaan yang dianggap sebagai salah satu gurauan yang juga bertujuan sama ada menyindir, marah, kecewa atau memerli. Hariyati Arifin (2019) dan Nisa Anggraini Batubara, Prima Sholihatun, Raees Narhan & Gustianingsih (2023) menjelaskan bahawa bahasa kasar merupakan penggunaan bahasa yang mencakupi bahasa kurang sopan dan tidak berhemah dalam perbualan individu sebagai tindak balas terhadap situasi yang sedang dihadapi.

Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* merupakan satu fenomena yang mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pemerhati media dan masyarakat amnya. *Facebook* merupakan satu aplikasi media sosial yang digunakan oleh semua golongan tanpa mengira usia dan jantina. Pada tahun 2022, aplikasi *Facebook* mencatatkan jumlah penggunaan pada tempat kedua tertinggi selepas aplikasi *Whatsapp* iaitu dengan peratusan sebanyak 88.7 (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023). Kini, *Facebook* telah menjadi salah satu arena komunikasi masyarakat untuk saling bertukar-tukar pandangan dan berinteraksi. Walau bagaimanapun, ketidaksantunan berbahasa yang kerap ditemui telah menimbulkan keprihatinan mengenai kesopanan masyarakat yang meliputi ruang awam digital. Tambahan lagi, tanpa sebarang sekatan ruang awam ini mampu diakses dan dicapai oleh sesiapa sahaja termasuk golongan remaja dan kanak-kanak.

Pada tahun 2024, akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* telah berjaya mendapatkan sehingga 5.6 juta pengikut.<sup>1</sup> Akhbar ini menjadi salah satu akhbar arus perdana di Malaysia. Hal ini telah menimbulkan minat pengkaji untuk mengkaji tentang penggunaan bahasa kasar dalam platform akhbar digital. Tambahan lagi, platform *Facebook* pula menjadi sebagai salah satu agen akhbar digital terutamanya Sinar Harian untuk melebarkan sayap dan berinteraksi dengan pembaca. Di samping itu, akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* ini turut mempunyai kepentingannya yang tersendiri untuk mempromosikan kandungan berita mereka. Oleh itu, pengkaji merasakan terdapat keperluan untuk menganalisis bagaimana

---

<sup>1</sup> Diperoleh daripada halaman *Facebook* Sinar Harian

penggunaan bahasa kasar mampu mempengaruhi interaksi pembaca di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*.

### SOROTAN KOSA ILMU

Kosa ilmu yang diketengahkan oleh pengkaji merupakan satu himpunan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji lain. Kajian-kajian lepas ini dipilih berdasarkan kesesuaian dengan tajuk dan objektif kajian pengkaji pada masa sekarang. Kesemua kajian lepas yang dikemukakan ini membicarakan mengenai penggunaan bahasa kasar, aspek ketidaksantunan berbahasa, penggunaan bahasa kesat dan penggunaan bahasa yang tidak sopan menerusi implikatur yang diguna pakai di ruangan media sosial. Menerusi kosa ilmu yang dikemukakan, terdapat kepelbagaian ruang lingkup kajian yang dilakukan. Perbezaan yang wujud ini adalah berpandukan kepada fokus kajian yang dilakukan oleh para pengkaji.

Muhammad Syekhul Ikram Mohd Zali (2016) melakukan satu penelitian ke atas penggunaan bahasa kasar di ruangan komen oleh pembaca akhbar digital Malaysia Kini dengan mengkategorikan data bahasa kasar yang diperoleh berdasarkan sembilan bentuk bahasa kasar. Antaranya adalah meliputi bentuk taraf akal, nama haiwan atau binatang, anggota kemaluan, kesihatan atau fizikal, kematian, penjodoh bilangan, makhluk halus, najis dan nama yang sinonim dengan watak yang kejam. Di samping itu, kajian ini turut menganalisis kekerapan bahasa kasar yang digunakan pada ruangan komen. Kajian ini juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri untuk membantu pengkaji menganalisis data bahasa kasar yang dipungut dan mengkategorikan berdasarkan bentuk-bentuk bahasa kasar. Oleh itu, pengkaji secara tidak langsung telah berjaya menyesuaikan data bahasa kasar mengikut bentuknya.

Selain itu, kajian lepas daripada Indonesia yang dilakukan oleh Fatwa Rohhayati, Rokhmat Basuki & Irma Daini (2020) mengkaji tentang penggunaan bahasa kasar di media sosial. Kajian tersebut berjudul Kajian Bahasa Disfemia Pada Kolom Komentar Netizen di *Instagram*. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa berunsur negatif merupakan fenomena ketidaksantunan yang berlaku di semua negara. Kelebihan yang terdapat pada penulisan kajian ini ialah pengkaji menerapkan beberapa langkah penyelidikan yang dilakukan secara sistematik. Antaranya ialah memulakan kajian dengan melakukan pemerhatian dan membaca komen-komen netizen di *Instagram @detik.com*. Seterusnya, pengkaji turut mengenal pasti dan mengelaskan kata-kata yang mengandungi unsur disfemia mengikut kata, frasa dan ungkapan seperti yang ditetapkan dalam objektif kajian. Langkah berikutnya, pengkaji menganalisis dan mendeskripsikan bentuk dan makna kata disfemia. Akhir sekali, pengkaji menjelaskan fungsi penggunaan bahasa disfemia.

Mohd Norazizi Samsudain & Mardiah Shah Omar (2022) mengkaji penggunaan unsur bahasa negatif dari sudut yang berbeza dengan kajian yang lain. Kajian yang dilakukan bertajuk Penggunaan Unsur Bahasa Negatif Terhadap Hantaran 1MDB oleh Pengguna *Facebook*. Pengkaji telah mengenalpasti penggunaan unsur bahasa negatif berdasarkan ragam bahasa. Antara ragam bahasa yang diteliti ialah bahasa basahan, bahasa pasar dan bahasa mencarut. Bahasa negatif ini digunakan untuk melampiaskan perasaan marah, mengutuk, mencaci dan meluahkan rasa tidak puas hati terhadap Datuk Seri Najib Haji Abdul Razak, bekas Perdana Menteri Malaysia ke-6 yang didakwa menyeleweng dana 1MDB. Kelebihan yang terdapat

pada kajian ini ialah pengkaji telah memanfaatkan ruangan media sosial *Facebook* untuk memungut data. Kajian ini tidak menelan belanja yang besar berbanding dengan kajian lapangan. Oleh itu, pengkaji turut memanfaatkan penerapan kajian yang sama dengan memungut data tentang bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Kos perbelanjaan yang diperlukan bagi melakukan kajian ini adalah lebih kecil dan masa untuk menjalankan kajian juga adalah lebih fleksibel.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nur Iffah Zulhairi & Junaini Kasdan (2022) pula adalah mengenai Ungkapan Makian Dalam Wacana Politik dan Kepimpinan di *Twitter*: Analisis Ketidaksantunan Berbahasa. Pengkaji ini telah menganalisis ungkapan makian terhadap pemimpin bermula daripada Julai 2020 hingga Mei 2021. Pengkaji memanfaatkan Teori Ketidaksantunan Berbahasa untuk menganalisis data kata makian. Hasilnya, pengkaji mendapati penggunaan kata makian ‘bodo/bodoh’ yang paling dominan sebagai strategi Ketidaksantunan Secara Langsung, Ketidaksantunan Positif, Ketidaksantunan Negatif dan Penggunaan Sarkasme atau Sindiran. Walaupun kajian yang dilaksanakan ini menggunakan aplikasi media sosial *Twitter*, pengkaji masih boleh mengaplikasikan kaedah pengelasan ungkapan makian mengikut jenis yang disesuaikan dengan bahasa kasar. Antara jenis ungkapan dalam kajian yang dilakukan adalah seperti sifat, anggota badan, pekerjaan jahat, agama, haiwan dan lain-lain.

Farhanah Awang Sani & Ashrol Rahimy Damit (2024) pula membincangkan berkenaan Analisis Bahasa Kesat dalam Ruang Komen Borneo Bulletin berkaitan gelombang kedua Covid-19 di Negara Brunei Darussalam. Pengkaji telah membataskan data kajian bermula daripada 7 Ogos 2021 hingga 7 November 2021 sahaja. Fokus kajian ini adalah untuk mengkategorikan kata-kata makian dan menganalisis tema penggunaan kata makian yang paling dominan digunakan. Lebih menarik lagi, pengkaji telah menetapkan topik perbincangan kata makian adalah tentang wabak Covid-19, garis panduan kesihatan dan sentimen orang ramai semasa gelombang kedua di Negara Brunei Darussalam. Pengkaji juga mendapatkan data dengan menggunakan kaedah pemerhatian di ruangan *Facebook* Brunei Bulletin. Pemilihan platform *Facebook* Brunei Bulletin adalah dengan mengambil kira pengaruhnya yang begitu luas dalam kalangan rakyat tempatan. Di samping itu, pengkaji turut menganalisis data kata makian berdasarkan Kerangka Teori Magnus Ljung (2011) dan mendapati bahawa hanya tiga daripada lima tema kata makian digunakan.

Akhir sekali, Nursyafieqa ‘Ifwat Mohmod Rofik & Maizura Osman (2024) mengkaji tentang Ungkapan Kesat dalam Penggunaan Implikatur di Media Sosial pada Musim Pilihan Raya. Kajian ini telah menggabungkan dua bidang utama dalam linguistik, iaitu pragmatik dan sosiolinguistik. Keistimewaan dalam kajian ini adalah pengkaji mengenalpasti penggunaan bahasa kesat berbentuk implikatur dalam kalangan pengguna media sosial *Twitter* dan *Facebook*. Penggunaan bahasa kesat dalam bentuk implikatur juga didapati melanggar aspek kesantunan berbahasa. Kajian ini juga menggunakan metod campuran yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik bagi mengukuhkan interpretasi data. Hasilnya, sebanyak 83% responden faham dan bersetuju dengan ketidaksantunan dan implikatur pada data kajian. Seterusnya, pengkaji telah berjaya membuat penghuraian yang terperinci terhadap tiga daripada 17 data yang diperolehi. Huraian

ini adalah berdasarkan leksikal-leksikal negatif yang digunakan dan faktor-faktor yang mendorong penggunaannya.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dan penyelidikan pemerhatian sebagai metodologi utama. Kajian kepustakaan atau *library research* memainkan peranan yang sangat penting. Kajian kepustakaan digunakan untuk mengumpulkan data-data tentang penggunaan bahasa kasar dalam bidang sosiolinguistik secara keseluruhan. Walaupun pengkaji mendapati terdapat artikel-artikel berkenaan kajian bahasa kasar yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu menerusi laman sosial dan internet, pengkaji masih mempunyai keperluan untuk menggunakan kaedah kepustakaan bagi memperbanyakkan lagi bahan bacaan yang boleh dijadikan sebagai sumber kajian. Fokus kajian yang menumpukan kepada bidang sosiolinguistik secara umumnya dan terdapat beberapa istilah penting melibatkan bahasa kasar yang digunakan seperti bahasa kasar, bahasa kesat, bahasa makian, tabu dan sebagainya. Untuk mendapatkan definisi yang penerangan yang tepat bagi istilah-istilah tersebut, pengkaji mempunyai keperluan untuk merujuk kepada data-data seperti buku, jurnal, kertas kerja, kajian ilmiah, penyelidikan, laporan, surat khabar, rencana dan lain-lain.

Bagi kaedah kajian pemerhatian, pengkaji telah mengimplementasikan teknik pemerhatian luar atau tidak ikut serta. Pengkaji perlu melakukan pemerhatian terhadap komen-komen yang ditinggalkan oleh pembaca akhbar dalam talian Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, pengkaji meneliti penggunaan bahasa kasar yang terdapat pada ruangan komen tersebut. Seterusnya, pengkaji mengumpulkan data-data bahasa kasar yang relevan terhadap kajian. Proses pengumpulan data melalui teknik pemerhatian ini tidak melibatkan sebarang interaksi secara langsung dengan mana-mana individu yang sedang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji turut mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah jaringan dalam talian melalui pautan dan hantaran *Facebook* oleh akhbar Sinar Harian. Daripada hantaran tersebut, pengkaji telah memilih 15 artikel akhbar Sinar Harian yang mempunyai 200 komen daripada bulan Mei 2024 sehingga bulan Jun 2024.

Kemudian, pengkaji memulakan proses mendapatkan data berkenaan bahasa kasar dengan meneliti komen-komen yang terdapat pada hantaran tersebut. Langkah seterusnya, pengkaji mencatat dan menganalisis ayat-ayat yang telah diteliti itu tadi dengan menggunakan *Microsoft Word*. Pengkaji seterusnya mengklasifikasikan bahasa kasar mengikut kategori yang ditetapkan. Kemudian, pengkaji melakukan analisis untuk mendapatkan kekerapan dan peratus penggunaan bahasa kasar dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Teknik ini merupakan teknik terbaik yang membantu pengkaji mendapatkan data yang paling murni. Hal ini dikatakan demikian kerana pemerhatian tidak ikut serta merupakan situasi yang sama dalam kehidupan sebenar. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kaedah pemerhatian juga merupakan kaedah yang efektif dan sering digunakan untuk mencari dan mengumpulkan data dalam apa jua kajian.

Seterusnya, pengkaji menggabungkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif untuk menganalisis data-data kajian yang diperoleh. Data-data yang berjaya dikumpulkan melalui kajian yang dilaksanakan akan dianalisis bagi menghasilkan dapatan mengikut objektif yang

telah ditetapkan. Bagi tujuan menganalisis data, pengkaji melakukan saringan dengan memastikan data-data yang dipilih mempunyai unsur-unsur ketidaksantunan yang merujuk kepada penggunaan bahasa kasar yang ketara. Menurut Dornyei (2007) dalam Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod Rofik & Maizura Osman (2024) menyatakan bahawa 'kajian kualitatif tidak menitikberatkan keterwakilan sampel sebaliknya sasaran utama persampelan dalam kajian jenis ini adalah untuk mencari data yang dapat membekalkan kefahaman yang tinggi terhadap fenomena yang dikaji.' Oleh itu, pengkaji beranggapan bahawa pemilihan data penggunaan bahasa kasar menerusi 15 artikel berita akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang mengandungi 200 komen ke atas adalah memadai.

Selanjutnya, pengkaji akan menganalisis data-data bahasa kasar yang telah dipungut melalui pemerhatian dengan mengeluarkan dan mengasingkan maklumat-maklumat yang penting, tidak penting, diperlukan dan tidak diperlukan. Pengkaji akan memaparkan hasil kajian yang dianalisis secara kualitatif berdasarkan aspek yang hendak dikaji. Bagi memenuhi objektif kajian yang pertama, pengkaji akan mengenal pasti bentuk-bentuk bahasa kasar yang digunakan oleh masyarakat di ruangan komen artikel akhbar dalam talian Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Kemudian, maklumat tersebut akan dianalisis ke dalam bentuk kekerapan penggunaan bahasa kasar bagi menjawab objektif kajian yang kedua. Bagi pemaparan data yang dipungut pula, pengkaji telah memadamkan nama dan gambar profil pemilik komen bagi menjaga privasi dan sensitiviti. Kaedah sebegini turut diaplikasikan ke dalam kajian yang dilaksanakan oleh Subyantoro & Sigit Apriyanto (2020) dan Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod Rofik & Maizura Osman (2024).

### **BENTUK BAHASA KASAR YANG DIGUNAKAN OLEH MASYARAKAT DI RUANGAN KOMEN ARTIKEL AKHBAR SINAR HARIAN DALAM APLIKASI *FACEBOOK***

Melalui pemerhatian dan analisis data, pengkaji dapat menyenaraikan lapan bentuk bahasa kasar yang digunakan di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Bentuk-bentuk bahasa kasar tersebut adalah nama haiwan atau binatang, sifat atau taraf akal, anggota kemaluan, makhluk halus, najis, nama yang sinonim dengan watak jahat, kematian dan lain-lain bentuk.

#### **Nama Haiwan atau Binatang**

Menurut Muhammad Syeikhul Ikram Mohd Zali (2016), penggunaan nama-nama haiwan dalam komunikasi dianggap sebagai bahasa kasar apabila ianya digunakan dengan ditujukan kepada individu lain yang dilawan bercakap. Situasi ini adalah lebih menegangkan apabila nama-nama haiwan itu digunakan dalam keadaan marah atau tidak puas hati. Situasi ini juga boleh menyinggung perasaan orang lain apabila disamakan dengan haiwan. Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy Subramaniam (2016) menyatakan tindakan menyamakan manusia dengan binatang dan makhluk yang tidak baik merupakan satu bentuk pelanggaran terhadap ajaran Islam dan dianggap sebagai tidak bertamadun.

Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji telah menganalisis beberapa perkataan yang mengandungi unsur nama haiwan atau binatang. Contoh bahasa kasar yang terdapat pada ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* ialah ‘anjing’, ‘babi’, ‘beruk’, ‘keldai’, ‘lembu’, ‘kera’, ‘monyet’ dan banyak lagi. Contoh data yang diperoleh daripada ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang mengandungi perkataan tersebut adalah seperti berikut:

- i. “Anak didik madanon *kutu babi*... Perangai setan makin menjadi sejak bapak jadi menteri... Orang berkata benar, disekat... Pelaku kemungkaran diberi kebebasan... Betul2 KERAjaan perosak negara! *Babi betul!*” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- ii. “Pelagi,jab agama buatlah kerja,tangkap *monyet* ni kurung dalam sangkar setahun dua,barulah pupus penyakit pelik2 mcm ni” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- iii. “Sama mcm Ada sekor *anjing* belaan dap yg menyalak x henti2..semua nk dikaitkan dgn politik mengikut arahan tuannya...” (*Facebook* Sinar Harian, 29 Mei 2024)
- iv. “Yg lain bising2 mcm *beruk* napa?” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)

### Sifat/Taraf Akal

Kamus Dewan (2016) mendefinisikan sifat sebagai keadaan atau rupa sesuatu benda yang dapat dilihat. Penggunaan bahasa kasar yang berunsur sifat atau taraf akal merupakan suatu bentuk yang abstrak dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Bahasa kasar yan menunjukkan unsur sifat atau taraf akal sangat sinonim dengan kata-kata negatif dan kotor. Pemilihan perkataan yang berunsur sifat atau menunjukkan taraf akal dianggap kasar apabila digunakan untuk membandingkan taraf akal manusia antara satu sama lain (Muhammad Syeikhul Ikram Mohd Zali, 2016). Perkataan yang melibatkan taraf akal biasanya digunakan untuk merendahkan tahap pemikiran individu lain.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa perkataan yang menggambarkan unsur sifat atau taraf akal. Contoh bahasa kasar yang terdapat pada ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* ialah ‘bodoh/bodo’, ‘bebal’, ‘benak/benok/benak ubi’, ‘bangang’, ‘dangkal’, ‘gila/gilo’, ‘sengal’, ‘sial’, ‘tolol’, ‘bongok’, ‘bangsat’ dan banyak lagi. Contoh data yang diperoleh daripada ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang mengandungi perkataan tersebut adalah seperti berikut:

- i. “Cetek akal dgn ada akal tapi *bodoh* bertudung pulak guna laa akal sama..banyak netizen yg benci dan marah dgn perbuatan melangkah kubur *biadap* kurang ajar” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- ii. “Sebenar nya kita yg kat dlm ni yg *bodoh* bagi dia gaji,bagi dia jawatan,sekarang dia senang senang gaji puluh ribu bulan bulan kita kat dlm ni hanya bolih taip dan berkelahi sesama sendiri,” (*Facebook* Sinar Harian, 11 Jun 2024)
- iii. “Org *gila* sembang.. dia marah.. lantang ulang2... .. dia kerah yg berkuasa bertindak.. bila org lain buat.. tpi dia/geng dia buat.. dia senyap.” (*Facebook* Sinar Harian, 29 Mei 2024)



- iv. “jenis x paham org sembang pastu melalut..pastu tuduh org pnyokong ph ngan yahudi..x ke *bangang*..kau sembang mcm mabuk todi ubah2 tajuk,pastu tuduh org marah sbb sokong yahudi ngan ph..jelas nampak sapa *bangang* kan??” (*Facebook Sinar Harian*, 7 Jun 2024)
- v. “bukti ape nya dh settle pon tu jadi walaun ni duk sibuk nk komen tapi *bodoh* Dan *bangsat*, kat situ kalau pmx nk amik tindakan pon dh boleh bagi Compony sama balik harga kurang banyak tu yg duk menyalak nk tumbang kerajaan” (*Facebook Sinar Harian*, 29 Mei 2024)

### Anggota Kemaluan

Pembaca akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* turut menggunakan bahasa kasar berunsur anggota kemaluan. Anggota kemaluan merujuk kepada alat kelamin lelaki atau perempuan (Kamus Dewan, 2005). Mohamad Adli Imran Arzemi (2016) berpendapat bahawa anggota kemaluan mempunyai perkaitan yang sangat erat dengan bahasa kasar dan sensitif kerana membabitkan dua jantina. Penggunaan bahasa kasar yang membabitkan anggota kemaluan juga membawa maksud yang lucah. Perkataan yang menunjukkan anggota kemaluan lelaki atau perempuan juga bervariasi termasuk melalui penggunaan slanga. Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) menyatakan kata-kata kesat bersifat lucah dalam bahasa Inggeris turut digunakan oleh golongan remaja menerusi status-status di aplikasi *Facebook*.

Berdasarkan data penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang telah dianalisis menunjukkan beberapa jenis kata yang berunsur anggota kemaluan. Bahasa kasar yang melibatkan anggota kemaluan yang digunakan adalah seperti ‘burit’, ‘jubur/jubo’, ‘kepala butuh’, ‘buto/butoh’, ‘bontot/buntut’, ‘punai’, ‘palat’ dan lain-lain lagi. Contoh penggunaan bahasa kasar yang mempunyai unsur anggota kemaluan adalah seperti berikut:

- i. “Apa lagi tepuk le walanon ...kata kata boss kau masuk kat mulut keluar kat *bontot*..Xboleh pakai.” (*Facebook Sinar Harian*, 7 Jun 2024)
- ii. “Nk wt wnee mg ingt pitis mok pokk mg org guna isi mnyk... Palabana *lancauu* pnya org lu.” (*Facebook Sinar Harian*, 11 Jun 2024)
- iii. “gigih betul aku tengok anjink-anjink kominih DAPigs ni reply komen kau bekap tuan mereka.. reply dengan hujah tak ilmiah pulak tu. Bila orang komplek, mereka tuduh penyeludup lah, nak cegah warga asing beli lah, kepala *butoh* majikan kominih mereka lah. Punya lah bangang jawapan. Sia-sia majikan kominih bayar dedak tapi jawapan macam tak sekolah” (*Facebook Sinar Harian*, 28 Mei 2024)
- iv. “Untuk Petrol kena isi lagi satu sistem baru iaitu *PUNAI*. Diulang wajib isi sistem *PUNAI* baru dapat pelepasan.” (*Facebook Sinar Harian*, 28 Mei 2024)
- v. “Kt kelantan yg xbleh nya..gelek *jubor kopek* terjulur mcm bebi simaa tu..” (*Facebook Sinar Harian*, 23 Mei 2024)

## Makhluk Halus

Melalui pengamatan yang dilakukan di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* dan analisis data, pengkaji dapat melihat penggunaan bahasa kasar yang mengandungi unsur makhluk halus. Kamus Dewan (2007) mendefinisikan makhluk halus sebagai makhluk seperti jin dan syaitan yang hidup dalam alam ghaib.

Makhluk halus merupakan satu elemen kepercayaan masyarakat terhadap perkara-perkara ghaib yang sangat berkait rapat dengan kepercayaan dan keagamaan khususnya melibatkan agama Islam. Hal-hal ghaib kebiasaannya mengandungi perkara-perkara yang melibatkan syurga, neraka, makhluk halus dan banyak lagi. Penggunaan bahasa kasar yang berkaitan dengan makhluk halus dianggap sebagai tabu oleh masyarakat yang mempercayai kewujudan makhluk ghaib dan perlu digantikan dengan eufemisme lain (Petronella Apin & Kartini Abd Wahab, 2015).

Unsur penggunaan bahasa kasar yang melibatkan makhluk halus dalam kajian ini hanya menyentuh perihal makhluk yang berperwatakan jahat. Misalnya seperti 'iblis', 'setan/syaitan' dan 'hantu'. Penggunaan bahasa kasar dengan unsur makhluk halus dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* dapat dilihat seperti berikut:

- i. “lebai *iblis* suka mkn planta dgn roti musim tengkujuh sbb tak dpt pergi ke laut.” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- ii. “Ingat, tiada yg mustahli di muka bumi ini selagi kita bernama manusia tiada yg sempurna, *iblis* sntiasa menggoda kita.” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)
- iii. “Anak didik madanon kutu babi... Perangai *setan* makin menjadi sejak bapak jadi menteri... Orang berkata benar, disekat... Pelaku kemungkaran diberi kebebasan... Betul2 KERAjaan perosak negara! Babi betul!” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- iv. “betul lah tu.. biasa polis bila dh letak 302 ni.. bukti dah ada.. hanya bapa bernafsu *setan* je melawan arus melanggar hukum logik sifat sebagai bapa..” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)
- v. “Israel ni pintar masaalah nya mereka pembunuh. dan mereka anggap diri mereka bangsa mereka yang terpilih dan pilihan. dan kaum mereka ramai yang jadi nabi dan Rasul...tapi mereka tak ikut kehendak Allah SWT dan Rasul mereka. mereka mingikut hawa nafsu *syaitan*.. dan pembunuh bangsa lain.. dan bangsa palastine. mereka bunuh dan tindas.. sebab tu mereka kena kutuk sebab sombong!” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)

## Najis

Najis merupakan kotoran seperti air kencing, tahi dan sebagainya yang bersifat jijik (Kamus Dewan, 2007). Melalui pemerhatian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa pembaca akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* menggunakan bahasa kasar dengan unsur najis dalam ruangan komen. Penggunaan bahasa kasar yang mengandungi unsur najis ini biasanya digunakan sebagai kata makian. Penggunaan bahasa kasar dengan unsur najis juga

boleh dibahagikan kepada dua iaitu najis haiwan dan najis manusia (Rizal Wan Ilmi Tukiran, 2023).

Berdasarkan data penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang telah dianalisis menunjukkan beberapa jenis kata yang berunsur najis. Bahasa kasar yang melibatkan najis yang digunakan adalah seperti ‘air kencing’, ‘berak’, ‘kencing’, ‘najis’, ‘tahi/taik’ dan ‘taik kucing’. Contoh penggunaan bahasa kasar yang mempunyai unsur najis adalah seperti berikut:

- i. “Nk sorot2 pulak... Duit rakyat hampa tibai .. ni bukan setakat kena *kencing* LG . Siap kena *berak* atas kepala LG ni .. makin MCM celaka kera jaan skrg ni...” (*Facebook* Sinar Harian, 29 Mei 2024)
- ii. “mesti lari la ada kerengge...orang bodoh je kena *kencing* tak lari...kalau kena *kencing* pon tak lari..kena *berak* atas muka pon masih steady...” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)
- iii. “Takut2 *taik kucing*...rata riti dok nyanyi x dok ore igak pun..” (*Facebook* Sinar Harian, 23 Mei 2024)
- iv. “anjing madanon terpalang PADU.bodoh bebal xde akal MKN *taik babi*.” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- v. “Nasib aku tak daftar padu biul tu, last skali kena daftar lain plak, cam sibat prangai, buat 10 jenis sistem sebab nak rembat duit rakyat.Ini memang *kencing* kuat ni, jilakee, projek rembat duit rakyat.” (*Facebook* Sinar Harian, 28 Mei 2024)

### **Nama yang Sinonim dengan Watak Jahat**

Melalui analisis data yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa pembaca akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* menggunakan bahasa kasar dengan unsur nama yang sinonim dengan watak jahat dalam ruangan komen. Penggunaan bahasa kasar yang mengandungi unsur nama yang sinonim dengan watak jahat ini biasanya digunakan untuk mengaitkan sifat seseorang yang berkelakuan jahat dan kejam. Misalnya seperti *Dajjal* yang merujuk kepada orang yang berperangai jahat (Kamus Dewan, 2007).

Berdasarkan data penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang telah dianalisis menunjukkan terdapat empat jenis kata yang berunsur nama yang sinonim dengan watak jahat. Bahasa kasar yang melibatkan nama yang sinonim dengan watak jahat yang digunakan adalah seperti ‘Dajjal’, ‘Israel’, ‘Yahudi’ dan ‘Zionis’. Contoh penggunaan bahasa kasar yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. “Teknologi sihir *Dajjal*” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)
- ii. “Apa yg hebat sngt *israel* ni klau xde sekutu dia dh lama dh mampos !” (*Facebook* Sinar Harian, 7 Jun 2024)
- iii. “Pengguna terkesan dengan harga *yahudi* ko,ko x fikir..semoga durian2 kamu,luruh sebelum masak..” (*Facebook* Sinar Harian, 1 Jun 2024)
- iv. “Cerita dongeng jetu.Atau dh tokok tambah.Yang tahan reman pun manusia juga.Bukan haiwan,bukannya *Zionis*.Mana ada pihak berkuasa tahan Ibu lepas

tu biarkan anak kecil menyusu sedang tidur dlm bilik sorang2. Dah tentu Ibu akan bagi tahu ada anak kecil dalam bilik, dah tentu pihak berkuasa akan usahakan hubungi pihak keluarga untuk jaga, atau orang terdekat. Kalau takde sangat letak pusat jagaan khas. Biasa bila orang kena tahan reman, pihak polis akan segera hubungi keluarga terdekat untuk pengetahuan mereka.” (*Facebook Sinar Harian*, 7 Jun 2024)

### **Kematian**

Penggunaan bahasa kasar dengan unsur kematian ini digunakan dengan kata ‘mampus’ dan ‘mati’. Kamus Dewan (2007) menyatakan bahawa kata ‘mampus’ merupakan bahasa kasar yang digunakan untuk menggantikan pengujaran kata ‘mati’. ‘Mati’ merupakan satu keadaan sesuatu yang tidak bernyawa atau tidak hidup lagi. Walaupun kematian merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh setiap orang, penggunaan bahasa kasar yang melambangkan kematian tetap dianggap tidak sopan dan boleh menyebabkan pihak lawan berasa tersinggung (Suzieyiana Ritos & Muhammad Zaid Daud, 2020). Kajian Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohamed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin (2016) mendapati masyarakat Melayu Sarawak khususnya, menganggap topik berkenaan kematian menjadi satu hal yang amat sensitif untuk dibicarakan secara terbuka. Kata ‘mati’ akan digantikan dengan perkataan yang lebih halus seperti ‘pergi’ dan ‘meninggal dunia’.

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, pengkaji mendapati pembaca akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* turut menggunakan bahasa kasar berunsur kematian. Bahasa kasar yang mengandungi unsur kematian diekspresikan melalui tiga bentuk. Antaranya ialah ‘mati’, ‘mampus’ dan ‘cipam’ (mayat hidup dalam dialek Perak). Contoh-contoh komen yang mengandungi perkataan bahasa kasar ini adalah seperti berikut:

- i. “Tak palah yang dia pijak tu kubur saudara dia, sebab kalau kubur orang lain kenapa tak ada tindakan daripada saudara mara yang punya kubur tu, ataupun dia dah tak nak kalau dia *mati* nanti dikuburkan, kalau tak bakar mungkin masak bagi babi makan” (*Facebook Sinar Harian*, 28 Mei 2024)
- ii. “Sudah nk *mati* pun bole mulut jahat..sedar2 lh dh baik sakit..bertaubat dn hidup cara baik jgn hina org lain...syukur lh sakit tu tk bawa maut kn...lagi nk mnghina org lain..” (*Facebook Sinar Harian*, 29 Mei 2024)
- iii. “Naik x agak2...teruih singgit lebih...bapak ahhh....apa nk JD kerajaan pH bn ni...*mampus* ar” (*Facebook Sinar Harian*, 11 Jun 2024)
- iv. “Di *mampus* nnti dia tanam sendiri.” (*Facebook Sinar Harian*, 28 Mei 2024)
- v. “Bila dah muka *cipam*....buat laa kerja bodoh utk cari perhatian...apa laa tongong bahlol betol budak budak ni.” (*Facebook Sinar Harian*, 28 Mei 2024)

### **Lain-lain Bentuk**

Melalui pengamatan yang dilakukan pada ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* dan analisis data, pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa kasar tidak hanya terhad kepada bentuk nama haiwan atau binatang, sifat/ taraf akal, anggota kemaluan, makhluk

halus, najis, nama yang sinonim dengan watak jahat dan kematian sahaja. Bentuk penggunaan bahasa kasar yang lain adalah meliputi bentuk anggota badan, keagamaan dan sebagainya. Penggunaan bahasa kasar yang digunakan dengan lain-lain bentuk ini turut memiliki tujuan yang sama iaitu untuk memaki, menghina, mencerca dan pelbagai lagi.

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, pengkaji mendapati pembaca akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* turut menggunakan bahasa kasar dengan bentuk yang lain. Bahasa kasar ini diekspresikan melalui 20 item. Antaranya ialah ‘anak haram’, ‘balaci’, ‘barua/baruah’, ‘betina’, ‘hanat/lahanat’, ‘haram jadah/jadah’, ‘jalang’, ‘jantan’, ‘kafir’, ‘kepala bapak’, ‘kepala lutut’, ‘keparat’ dan lain-lain lagi. Contoh-contoh komen yang mengandungi perkataan bahasa kasar ini adalah seperti berikut:

- i. “sama walanon skrg ni minyak sebotol rm5 ke *lahanat bangap* ni?? Telor ada,minyak ada.. tpi beras tempatan hilang.. lgi besar sial.. sy ulammmmm” (Facebook Sinar Harian, 1 Jun 2024)
- ii. “walaun lgi *haramjdah* pnjilat abahcow pnyakau lebai pnunggang..sakau, mkn mkn gaji buta ,naikkkn cbutan judi ekor walaun jdi beruk bisu..!!.” (Facebook Sinar Harian, 28 Mei 2024)
- iii. “Bodoh punya statement Neymar jr kan ke injured....biawak hidup *KEPALA BAPAK*” (Facebook Sinar Harian, 29 Mei 2024)
- iv. “Madanii bab menyusahkan no 1....*keparat* betoii.padu,budi last2 jadi planta...” (Facebook Sinar Harian, 28 Mei 2024)

### KEKERAPAN PENGGUNAAN BAHASA KASAR BERDASARKAN BENTUKNYA

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan jadual kekerapan penggunaan bahasa kasar di ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Pengkaji telah memasukkan peratusan kekerapan penggunaan bahasa kasar berdasarkan data yang dipungut daripada 15 artikel akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* dari bulan Mei hingga Jun 2024. Tambahan lagi, pengkaji turut menghuraikan data-data kekerapan dan peratusan tersebut ke dalam bentuk penulisan.

#### Nama Haiwan atau Binatang

JADUAL 1. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur nama haiwan atau binatang

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Anjing	11	14.7
2.	Babi	19	25.3
3.	Beruk	11	14.7
4.	Biawak	10	13.3
5.	Binatang	7	9.3
6.	Buaya	2	2.7
7.	Katak	1	1.3

8.	Keldai	2	2.7
9.	Kera	3	4.0
10.	Lembu	4	5.3
11.	Monyet	3	4.0
12.	Ular	2	2.7
Jumlah		75	100

Sumber: *Facebook Sinar Harian*, 2024

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 12 bahasa kasar yang mempunyai unsur nama haiwan atau binatang yang digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024. Antaranya ialah ‘anjing’, ‘babi’, ‘beruk’, ‘biawak’, ‘binatang’, ‘buaya’, ‘katak’, ‘keldai’, ‘kera’, ‘lembu’, ‘monyet’ dan ‘ular’. Jumlah kekerapan penggunaan bahasa kasar dengan unsur nama haiwan atau binatang adalah sebanyak 75 kali secara keseluruhan.

Merujuk kepada Jadual 1, perkataan ‘babi’ menunjukkan peratusan penggunaan yang paling tinggi iaitu sebanyak 25.3 peratus dengan kekerapan sebanyak 19 kali. Menurut Nasrah, Mohammad Harun & Ramli (2023), penggunaan kata ‘babi’ dalam percakapan merupakan satu perkara yang dianggap tidak santun kerana ‘babi’ dipercayai sebagai haiwan yang dikelaskan sebagai najis dan tidak boleh dimakan. Oleh itu, apabila leksikal ‘babi’ diungkapkan oleh individu yang berada keadaan marah, ia dikhuatiri boleh mencetuskan ketegangan. Seterusnya diikuti oleh kata kasar dengan unsur haiwan ‘anjing’ dan ‘beruk’ dengan kekerapan kedua tertinggi sebanyak 11 kali bersamaan 14.7 peratus. Kekerapan bahasa kasar yang paling sedikit digunakan adalah ‘katak’ iaitu sebanyak sekali sahaja bersamaan dengan 1.3 peratus. Kata-kata kasar dengan perlambangan haiwan atau binatang seperti ‘biawak’, ‘binatang’, ‘buaya’, ‘keldai’, ‘kera’, ‘lembu’, ‘monyet’ dan ‘ular’ pula digunakan sebanyak dua hingga 10 kali sahaja. Leksikal-leksikal nama binatang ini dianggap sebagai bahasa kasar kerana pengguna menggunakannya untuk memberikan perlambangan terhadap individu yang dilawan bercakap serupa atau diberikan sifat yang sama dengan haiwan-haiwan tersebut.

### Sifat/Taraf Akal

JADUAL 2. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur sifat atau taraf akal

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Bahlol/bahalol	4	1.7
2.	Bangang	23	10.0
3.	Bangsat	5	2.2
4.	Bebal	5	2.2
5.	Benak/benok/benak ubi	4	1.7
6.	Bengap	10	4.4
7.	Bengong	3	1.3
8.	Biadap/biadab	2	0.9

9.	Bingai	6	2.7
10.	Biul	2	0.9
11.	Bodoh/bodo	105	45.9
12.	Bongkak	2	0.9
13.	Bongok/bongak	9	4.0
14.	Celaka/jilake	5	2.2
15.	Cikai	1	0.4
16.	Dangkal	2	0.9
17.	Degil	1	0.4
18.	Gampang	4	1.7
19.	Gila/gilo	13	5.7
20.	Goblok	1	0.4
21.	Haparak	1	0.4
22.	Jahil	3	1.3
23.	Mangkuk	4	1.7
24.	Mereng	1	0.4
25.	Sasau	1	0.4
26.	Sengal	2	0.9
27.	Sial	8	3.5
28.	Tolol	2	0.9
Jumlah		229	100

Sumber: *Facebook Sinar Harian*, 2024

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji mendapati kekerapan penggunaan bahasa kasar yang berunsur sifat atau taraf akal dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* sebanyak 229 kali dengan bilangan bahasa kasar sebanyak 28 item. Data-data yang dimasukkan ke dalam jadual ini telah dianalisis oleh pengkaji untuk melihat kekerapan dan peratusan penggunaan bahasa kasar oleh pengguna *Facebook* terutamanya melalui ruangan komen akhbar Sinar Harian. Dalam Jadual 2 bahasa kasar yang digunakan adalah terdiri daripada kata kasar ‘bahlol/bahalol’, ‘bangang’, ‘bangsat’, ‘bingai’, ‘celaka/jilake’, ‘dangkal’, ‘gampang’, ‘gila/gilo’, ‘haparak’ dan banyak lagi.

Bagi penggunaan bahasa kasar dengan unsur sifat atau taraf akal ini, didapati penggunaan kata ‘bodoh/bodo’ adalah paling kerap digunakan sebanyak 105 kali dengan peratusan sebanyak 45.9 peratus. Seterusnya, diikuti oleh penggunaan bahasa kasar ‘bangang’ dengan peratusan sebanyak 10.0 dan kekerapan sebanyak 23 kali. Penggunaan bahasa kasar ketiga tertinggi adalah sebanyak tiga kali bersamaan 5.7 peratus bagi kata ‘gila/gilo’ dengan kekerapan sebanyak 13 kali.

Kekerapan bahasa kasar yang paling sedikit digunakan ialah ‘cikai’, ‘degil’, ‘goblok’, ‘haparak’, ‘mereng’ dan ‘sasau’ iaitu sebanyak sekali sahaja bersamaan dengan 0.4 peratus. Bahasa-bahasa kasar yang lain pula digunakan sebanyak dua hingga 10 kali sahaja. Berpandukan kepada dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kata ‘bodoh/bodo’ adalah paling dominan bagi penggunaan bahasa kasar berunsur sifat atau taraf akal dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* bagi tempoh Mei hingga Jun 2024.

### Anggota Kemaluan

JADUAL 3. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur anggota kemaluan

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Buntut/bontot	3	11.1
2.	Buto/kepala butuh	7	25.9
3.	Jubur	8	29.7
4.	Kopek (buah dada)	1	3.7
5.	Lancau (bahasa Hokkien: Lan-jiou)	3	11.1
6.	Puki	1	3.7
7.	Punai	3	11.1
8.	Pundek (bahasa Tamil)	1	3.7
Jumlah		27	100

Sumber: *Facebook* Sinar Harian, 2024

Jadual 3 menunjukkan kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* sebanyak 27 kali yang merangkumi lapan bahasa kasar. Data-data yang dimasukkan ke dalam jadual ini telah dianalisis oleh pengkaji untuk melihat kekerapan dan peratusan penggunaan bahasa kasar oleh pengguna *Facebook* terutamanya melalui ruangan komen akhbar Sinar Harian. Dalam Jadual 3 bahasa kasar yang digunakan adalah terdiri daripada kata kasar ‘buntut/bontot’, ‘buto/kepala butuh’, ‘jubur’ (dubur), ‘kopek’ (buah dada), ‘lancau’, ‘puki’, ‘punai’ dan ‘pundek’.

Bagi penggunaan bahasa kasar dengan unsur anggota kemaluan ini, didapati penggunaan kata ‘jubur’ adalah paling kerap digunakan sebanyak lapan kali dengan peratusan sebanyak 29.7 peratus. Seterusnya, diikuti oleh penggunaan bahasa kasar ‘buto/kepala butuh’ dengan peratusan sebanyak 25.9 dan kekerapan sebanyak tujuh kali. Penggunaan bahasa kasar ketiga tertinggi adalah sebanyak tiga kali bersamaan 11.1 peratus bagi kata ‘buntut/bontot’, ‘lancau’ dan ‘punai’. Bahasa kasar yang didapati paling kurang digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* adalah ‘kopek’, ‘puki’ dan ‘pundek’. Kekerapan bagi ketiga-tiga kata kasar ini adalah sebanyak sekali sahaja dengan peratusan sebanyak 3.7 peratus. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kata ‘jubur’ adalah paling dominan bagi penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* bagi tempoh Mei hingga Jun 2024.

### Makhluk Halus

JADUAL 4. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur makhluk halus

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Hantu	1	7.7



2.	Iblis	5	38.5
3.	Setan/syaitan	7	53.8
Jumlah		13	100

Sumber: *Facebook* Sinar Harian, 2024

Berdasarkan Jadual 4, terdapat tiga bahasa kasar yang mempunyai unsur makhluk halus yang digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024. Makhluk halus merupakan makhluk-makhluk yang sering mengganggu ketenteraman terhadap kehidupan manusia dan kebiasaannya leksikal-leksikal yang melambangkan makhluk halus ini digunakan sebagai makian (Lukmanul Hakim, 2022). Antara bahasa kasar yang mengandungi unsur makhluk halus ialah ‘hantu’, ‘iblis’ dan ‘setan/syaitan’. Bahasa kasar dengan unsur makhluk halus ini digunakan sebanyak 13 kali secara keseluruhan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024.

Perkataan ‘setan/syaitan’ menunjukkan peratusan penggunaan yang paling tinggi iaitu sebanyak 53.8 peratus dengan kekerapan sebanyak tujuh kali, lebih separuh daripada penggunaan kata kasar yang lain. Seterusnya diikuti oleh kata kasar ‘iblis’ dengan kekerapan kedua tertinggi sebanyak lima kali bersamaan 38.5 peratus. Kekerapan bahasa kasar yang paling sedikit digunakan adalah ‘hantu’ iaitu sebanyak sekali sahaja bersamaan dengan 7.7 peratus. Berdasarkan data yang telah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa kasar dengan unsur makhluk halus ‘setan/syaitan’ adalah lebih kerap digunakan.

### Najis

JADUAL 5. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur najis

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Air kencing	2	4.9
2.	Berak	6	14.6
3.	Kencing	16	39.0
4.	Najis	3	7.3
5.	Tahi/taik	13	31.7
6.	Taik kucing	1	2.5
Jumlah		41	100

Sumber: *Facebook* Sinar Harian, 2024

Jadual 5 memaparkan data kekerapan dan peratusan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang mengandungi unsur najis. Najis merupakan kotoran seperti air kencing, tahi dan sebagainya yang bersifat menjijikkan (Kamus Dewan, 2007). Berdasarkan pemerhatian dan analisis data yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahasa kasar dengan unsur najis ini digunakan sebanyak 41 kali secara keseluruhan

yang merangkumi enam leksikal. Antaranya ialah ‘air kencing’, ‘berak’, ‘kencing’, ‘najis’, ‘tahu/taik’ dan ‘taik kucing’.

Leksikal ‘kencing’ merupakan kata kasar yang paling kerap digunakan antara bulan Mei hingga Jun 2024 dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Kekekapan penggunaan kata kasar ‘kencing’ adalah sebanyak 16 kali bersamaan 39.0 peratus. Bahasa kasar ‘kencing’ merupakan slanga yang banyak digunakan oleh masyarakat yang membawa maksud berbohong (Mohamad Suhaizi Suhaimi & Fatin Syaira Shamsull, 2022). Walaupun demikian, penggunaan leksikal ‘kencing’ masih dianggap sebagai bahasa kasar kerana maksudnya mempunyai unsur-unsur najis yang menjijikkan iaitu air najis yang keluar dari kemaluan (air kencing).

Bahasa kasar yang menduduki tempat kedua paling kerap digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* adalah ‘tahi/taik’. Kata ‘tahi/taik’ mempunyai peratusan sebanyak 31.7 peratus dengan kekekapan sebanyak 13 kali. Seterusnya, diikuti oleh kata ‘berak’ dengan kekekapan sebanyak enam kali (14.6%), ‘najis’ dengan kekekapan sebanyak tiga kali (7.3%) dan kata kasar berunsur najis ‘air kencing’ pula digunakan sebanyak dua kali bersamaan 4.9 peratus. Akhir sekali, pengkaji mendapati penggunaan kata kasar ‘taik kucing’ adalah paling kurang digunakan iaitu dengan kekekapan sekali sahaja bersamaan 2.5 peratus sahaja.

### **Nama yang Sinonim dengan Watak Jahat**

JADUAL 6. Kekekapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur nama yang sinonim dengan watak jahat

<b>Bil.</b>	<b>Kata</b>	<b>Kekekapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	Dajjal	1	8.3
2.	Israel	4	33.4
3.	Yahudi	6	50.0
4.	Zionis	1	8.3
Jumlah		12	100

Sumber: *Facebook* Sinar Harian, 2024

Jadual 6 menunjukkan terdapat empat bahasa kasar dengan unsur nama yang sinonim digunakan dengan watak jahat digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024. Dapatan kajian turut menunjukkan penggunaan bahasa kasar dengan unsur nama yang sinonim digunakan dengan watak jahat ini digunakan sebanyak 13 kali secara keseluruhan. Antara bahasa kasar mengandungi unsur nama yang sinonim dengan watak jahat dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024 ialah ‘Dajjal’, ‘Israel’, ‘Yahudi’ dan ‘Zionis’.

Jadual 6 juga menunjukkan perkataan ‘Yahudi’ digunakan sebanyak enam kali daripada 12 kali jumlah keseluruhan penggunaan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024. Hal ini menunjukkan bahawa peratusan penggunaan kata ‘Yahudi’ merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50.0 peratus, separuh

daripada penggunaan kata kasar yang lain. Seterusnya diikuti oleh kata kasar 'Israel' dengan kekerapan kedua tertinggi sebanyak empat kali bersamaan 33.4 peratus. Kekerapan bahasa kasar yang paling sedikit digunakan ialah 'Dajjal' dan 'Zionis' iaitu sebanyak sekali sahaja bersamaan dengan 8.3 peratus. Berdasarkan data yang telah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa kasar dengan unsur makhluk halus 'Yahudi' adalah lebih dominan digunakan bagi unsur nama yang sinonim dengan watak jahat.

### Kematian

JADUAL 7. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* berunsur kematian

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Cipam	1	3.3
2.	Mampus	14	46.7
3.	Mati	15	50.0
Jumlah		30	100

Sumber: *Facebook* Sinar Harian, 2024

Jadual 7 menunjukkan penggunaan bahasa kasar yang terdapat dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang mengandungi unsur kematian. Kata berkenaan kematian digantikan dengan istilah atau kata 'mati', 'mampus' dan 'cipam'. Ketiga-tiga kata ini merupakan bahasa yang dianggap kasar apabila digunakan untuk berbicara atau berkomunikasi dengan orang lain sama ada melalui pertuturan ataupun penulisan.

Bagi penggunaan bahasa kasar dengan unsur kematian ini, didapati penggunaan kata 'mati' adalah paling kerap digunakan sebanyak 15 kali dengan peratusan sebanyak 50.0 peratus. Seterusnya, diikuti oleh penggunaan bahasa kasar 'mampus' dengan peratusan sebanyak 46.7 dan kekerapan sebanyak 14 kali. Penggunaan kata 'mampus' membawa maksud yang sama dengan kata mati. Pengkaji turut mendapati bahawa kata 'mampus' adalah lebih kasar daripada istilah 'mati' walaupun kata 'mampus' digunakan dengan lebih kerap berbanding kata 'mati'. Perbezaan kekerapan ini adalah sebanyak sekali sahaja. Kamus Dewan (2007) mendefinisikan 'mampus' sebagai bahasa kasar yang merujuk kepada tidak bernyawa atau telah habis nyawa.

Di samping itu, bahasa kasar yang didapati paling kurang digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* adalah 'cipam' yang merujuk kepada mayat hidup dalam dialek Perak. Kata kasar 'cipam' digunakan untuk memberikan perbandingan terhadap wajah seseorang yang kelihatan sama seperti mayat. Kekerapan bagi kata kasar 'cipam' adalah sebanyak sekali sahaja dengan peratusan sebanyak 3.3 peratus. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kata 'mati' adalah paling dominan bagi penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* bagi tempoh Mei hingga Jun 2024.

### Lain-lain Bentuk

JADUAL 8. Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* bagi lain-lain bentuk

Bil.	Kata	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Anak haram	1	1.6
2.	Balaci	1	1.6
3.	Barua/baruah	10	15.6
4.	Betina	2	3.0
5.	Hanat/lahanat	7	10.9
6.	Haram jadah/ jadah	10	15.6
7.	Jalang	1	1.6
8.	Jantan	1	1.6
9.	Kafir	9	14.0
10.	Kepala bapak	4	6.3
11.	Kepala lutut	1	1.6
12.	Kepala otak	4	6.3
13.	Keparat	1	1.6
14.	Kuli batak	1	1.6
15.	Laknat	2	3.0
16.	Macai	4	6.3
17.	Malaun	1	1.6
18.	Mulut puaka	1	1.6
19.	Pelacur	1	1.6
20.	Sibat/musibat	2	3.0
Jumlah		64	100

Sumber: *Facebook* Sinar Harian, 2024

Jadual 8 menunjukkan terdapat 20 bahasa kasar lain-lain bentuk yang digunakan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024. Dapatan kajian turut menunjukkan penggunaan bahasa kasar dengan lain-lain bentuk ini digunakan sebanyak 64 kali secara keseluruhan. Antara bahasa kasar dengan kategori lain-lain bentuk yang terdapat dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024 ialah ‘anak haram’, ‘balaci’, ‘barua/baruah’, ‘hanat/lahanat’, ‘jalang’, ‘kafir’, ‘kepala bapak’, ‘kepala otak’, ‘keparat’, ‘laknat’, ‘malaun’ dan sebagainya.

Perkataan ‘barua/baruah’ dan ‘haram jadah/jadah’ digunakan dengan kekerapan sebanyak 10 kali daripada 64 kali jumlah keseluruhan penggunaan dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* antara Mei hingga Jun 2024. Hal ini menunjukkan bahawa peratusan penggunaan kata ‘barua/baruah’ dan ‘haram jadah/jadah’ merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak 15.6 peratus berbanding penggunaan kata kasar yang lain. Seterusnya diikuti oleh kata kasar ‘kafir’ dengan kekerapan kedua tertinggi sebanyak sembilan kali bersamaan 14.0 peratus.

Seterusnya, kekerapan bahasa kasar yang paling sedikit digunakan ialah ‘anak haram’, ‘balaci’, ‘jalang’, ‘jantan’, ‘kepala lutut’, ‘keparat’, ‘kuli batak’, ‘malaun’, ‘mulut puaka’ dan ‘pelacur’ iaitu sebanyak sekali sahaja bersamaan dengan 3.0 peratus. Bahasa-bahasa kasar yang lain pula digunakan sebanyak dua hingga tujuh kali sahaja. Berdasarkan data yang telah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa kasar bagi kategori lain-lain bentuk yang paling kerap digunakan adalah ‘barua/baruah’ dan ‘haram jadah/jadah’.

## KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini telah memberikan rumusan tentang bentuk dan kekerapan penggunaan bahasa kasar berdasarkan bentuknya dalam ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook*. Bentuk-bentuk bahasa kasar yang dikenal pasti adalah seperti nama haiwan dan binatang, sifat/taraf akal, anggota kemaluan, makhluk halus, najis, nama yang sinonim dengan watak jahat, kematian dan lain-lain bentuk. Seterusnya, penggunaan bahasa kasar dengan unsur nama haiwan atau binatang adalah paling kerap digunakan dengan jumlah kekerapan sebanyak 229 kali daripada jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 491 kali bagi 84 data bahasa kasar. Penggunaan bahasa kasar ‘bodoh/bodo’ adalah paling dominan bagi bentuk sifat atau taraf akal dengan kekerapan sebanyak 105 kali. Penggunaan bahasa kasar yang paling minimum adalah bagi bahasa kasar dengan unsur nama yang sinonim dengan watak jahat iaitu sebanyak 12 kali sahaja bagi empat kata kasar. Berdasarkan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa golongan masyarakat terutamanya pengguna aplikasi media sosial seperti *Facebook* perlu memainkan peranan penting dengan mengamalkan penggunaan bahasa yang lebih santun dalam berkomunikasi. Pemilihan bahasa yang tepat dan baik adalah cerminan kepada sahsiah penutur bahasa Melayu (Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2023; Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa’ad & Zulazhan Ab. Halim, 2021). Pengkaji berharap agar kesopanan dan kesantunan bahasa yang seringkali disebut-sebut sebagai aspek yang sangat sinonim dengan masyarakat Melayu dapat dikembalikan. Pengkaji turut menzahirkan tahap keprihatinan yang tinggi terhadap kemerosotan nilai-nilai kesopanan dan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat khususnya menerusi komunikasi dalam aplikasi *Facebook*. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan ruangan komen akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang telah dianalisis menunjukkan terdapat 84 bahasa kasar yang digunakan. Bahasa-bahasa kasar ini digunakan dengan kekerapan yang begitu tinggi iaitu sebanyak 491 kali menerusi ruangan komen 15 artikel akhbar Sinar Harian dalam aplikasi *Facebook* yang diperhatikan. Penyebaran dan penggunaan bahasa kasar yang semakin berleluasa ini secara tidak langsung boleh menjejaskan kedudukan bahasa Melayu sekiranya tidak ditangani dengan segera. Oleh itu, kajian berkenaan bahasa kasar ini secara tidak langsung dilihat dapat membantu memberikan kesedaran kepada para pembaca berkenaan kepentingan mengamalkan kesopanan dan kesantunan dalam berbahasa sama ada melalui pertuturan mahupun penulisan.

## RUJUKAN

- Amirah Syazwani Baderol Sham. 2022. Bahasa Kasar Tidak Mencerminkan Norma Masyarakat Malaysia. *Dewan Bahasa*, 20 Julai.
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin. 2019. Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal e-Bangi*, 16(6), 1-16.
- Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy Subramaniam. 2016. Ketidaksantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia. *Pertanika Journals*, 3(2), 189-209.
- Farhanah Awang Sani & Ashrol Rahimy Damit. 2024. Analisis Bahasa Kesat dalam Ruang Komen Borneo Bulletin Berkaitan Gelombang Kedua Covid-19 di Negara Brunei Darussalam. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 2(1), 1-21.
- Farhanah Awang Sani. 2024. Tinjauan Awal: Analisis Bahasa Kesat dalam Ruang Komen Borneo Bulletin Berkaitan Gelombang Kedua Covid-19 di Negara Brunei Darussalam. *PENDETA*, 15(1), 39-55.
- Fatwa Rohhayati, Rokhmat Basuki & Irma Daini. 2020. Kajian Bahasa Disfemia Pada Kolom Komentar Netizen di Instagram. *Wacana: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra & Pengajaran*, 18(2), 143-150.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohamed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. 2016. Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak dari Perspektif Semantik Kognitif. *Journal of Language Studies*, 16(2), 53-71. Muat turun pada 1 November 2024, dari <https://journalarticle.ukm.my/10149/1/10203-38505-1-PB.pdf>
- Hariyati Arifin. 2019. Bahasa Kurang Sopan Ubah Cara Komunikasi Remaja Masa Kini. *Sinar Harian*, 18 November 2024. Muat turun pada 1 November, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/khas/pendapat/bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>
- Kamus Dewan*. 2005. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2007. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2016. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukmanul Hakim. 2022. Makian dalam Bahasa Sasak Dialek E-E. *Mabasan: Masyarakat Bahasa & Sastra Nusantara*, 16(1), 67-86.
- Mohamad Adli Imran Arzemi. 2016. Penggunaan Bahasa Kasar dalam Kalangan Mahasiswa Kelantan: Kajian Kes di Kolej Ibu Zain, Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi & Fatin Syaira Shamsull. 2022. Perubahan Penggolongan Leksikal dalam Kalangan Pempengaruh Media Sosial: Analisis Medan Makna. *Jurnal Melayu*, 21(2), 51-69.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. 2023. Sikap Bahasa dan Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Wilaya Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 22(3), 22-53.
- Mohd Norazizi Samsudain & Mardiah Shah Omar. 2022. Penggunaan Unsur Bahasa Negatif Terhadap Hantaran Isu 1MDB oleh Pengguna Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*, 33(1), 87-107.

- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. 2023. Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad & Zulazhan Ab. Halim. 2021. Leksikal Eufemisme dalam al-Quran dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu. *Asia Pasific Online Journal of Arabic Studies*, 4(1), 11-24.
- Muhammad Norhazim Izman & Zamri Mahamod. 2023. Nilai Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *PENDETA*, 14(2), 11-25.
- Muhammad Syekhul Ikram Mohd Zali. 2016. Bahasa Kasar dalam Dialek Melayu Kelantan: Satu Tinjauan Sociolinguistik. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasrah, Mohammad Harun & Ramli. 2023. Analisis Perubahan Makna dalam Novel Kura-kura Berjanggut Karya Azhari Aiyub. *Journal of Educational Research and Humaniora (JERH)*, 1(3), 23-39.
- Nisa Anggraini Batubara, Prima Sholihatun, Raees Narhan & Gustianingsih. 2023. Disfemia Terhadap Puan Maharani di Twitter. *LINGUA*, 20(2), 288-295. Muat turun pada 1 November 2024, dari <https://lingua.soloclc.org/index.php/lingua/article/view/828/701>
- Nur Iffah Zulhairi & Junaini Kasdan. 2022. Ungkapan Makian dalam Wacana Politik dan Kepimpinan di Twitter: Analisis Ketidaksantunan Bahasa. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1-16.
- Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod Rofik & Maizura Osman. 2024. Ungkapan Kesat dalam Penggunaan Implikatur di Media Sosial pada Musim Pilihan Raya. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 32(S1), 139-160.
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. 2015. Tabu Bahasa dalam Masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-239.
- Rizal Wan Ilmi Tukiran. 2023. Makian dalam Gurauan: Satu Kajian Kes di Kalangan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rossliana Roslan & Sa'adiyah Ma'alip. 2022. Slangan dalam Novel "Kelabu" Karya Nadia Khan. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember, 138-156.
- Sharifah Shahirah Syed Jaaffar, Izra Inna Md Idris & Siti Normala Hamzah, 2024. Realiti Sosial dalam *Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka*. *Jurnal Melayu*, 23(2), 18-38.
- Subyantoro & Sigit Apriyanto. 2020. Impoliteness in Indonesian Language Hate Speech on Social Media Contained in the Instagram Account. *Journal of Advances in Linguistic*, 11, 36-46.
- Suzieyiana Ritos & Muhammad Zaid Daud. 2020. Strategi Penggantian Disfemisme Kepada Eufemisme Dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Windy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2023. Kata Penanda Santun dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Suatu Tinjauan. *Jurnal Melayu*, 22(1), 16-33.

**Biodata Penulis:**

**Nur Anis Najihah Mohd Rapihei (BA)** merupakan antan pelajar prasiswazah Program Pengajian Bahasa Melayu Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Dr. Sa'adiah Ma'alip (PhD)** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.